

ULASAN BUKU

Judul: Menjejak Kualiti Menjana Kecemerlangan
Pengarang: Mohd. Yusof Hj. Othman
Penerbit: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
Tahun Terbit : 2000
Jumlah Halaman: 189

Buku **Menjejak Kualiti Menjana Kecemerlangan** merupakan himpunan hasil pengalaman penulis dalam memberikan beberapa kursus motivasi di beberapa buah organisasi kerajaan mahupun swasta sepanjang tahun-tahun 90an. Seperti yang tercermin dalam judul buku, isu utama yang dibincang buku ini ialah soal kualiti kerja dalam konteks usaha untuk mencapai tahap kecemerlangan. Dengan menggunakan kaedah inkuiri dalam membahas konsep kualiti, misalnya memberi jawapan kepada: Apakah kualiti? Siapa pencetus kualiti? Siapa manusia? - dimuatkan dalam bab ke 2 buku ini, mutu perbincangan didapati lebih menarik. Dimulakan dengan memberi definisi kepada konsep ISO dan keluarganya (halaman 10-11), pengarang mengutip beberapa pandangan pakar dalam bidang pengukuran kualiti seperti Stephen R. Covey (hal. 13) , Tom Morris (hal 15), Moss Kanter (hal 17) dan bab ini diakhiri dengan mengemukakan pandangan Islam mengenai kualiti. Sementara aspek-aspek yang bersifat kuantitatif dijadikan tumpuan dalam analisis kualiti menurut Barat, Islam menekankan peranan usaha yang bersifat kualitatif. Dalam hal ini pengarang hanya menyentuh sepintas lalu konsep *al-falah* yang mahu dicapai, dan menghindari *al-'azab*; namun rasanya ada lagi konsep yang paling utama menurut Islam berhubung dengan kualiti yang tidak disebut. Konsep tersebut ialah "*ahsan*" dalam ungkapan *ayyukum ahsanu 'amala* (Q . S 67, ayat 2); ataupun konsep "*fastabiqul khairat*" (Q.S.2 ayat 148), dirasakan perlu diberi perhatian jika kita mahu penjelasan yang lebih mendalam mengenai kualiti kerja dalam Islam.

Dalam membahas persoalan kualiti dan kecemerlangan, pengarang menyedari betapa perlu dibahas secara kritikal mengenai siapakah manusia. Justeru itu bab 3 dan 4 diperuntukkan membahas hakikat manusia (bab 3) dan mengenal pasti perkara-perkara yang menjana kecemerlangan. Sekali lagi pengarang cuba memberikan penjelasan secara perbandingan hakikat manusia menurut Barat dan Islam. Apa yang cuba diurai dapat dirumuskan seperti berikut: kedua-duanya membahas soal perlunya penguasaan aspek-aspek fizikal-kemahiran seperti pengurusan yang cekap, rapi , visi yang jelas serta pemantauan yang berkesan di samping mempunyai tahap keupayaan berfikir strategis. Pendekatan Barat mensyaratkan keperibadian yang baik itu merujuk pada sifat kebertanggung-jawaban yang tinggi menurut nilai moral, sedangkan menurut Islam ukurannya ialah mendapatkan keredhoan Allah s.w.t, menerusi konsep *muzakarah* dan peningkatan *ukhuwwah*. Menyentuh tentang proses dan strategi berfikir bagi

mencetuskan budaya kreativiti, pengarang mengutip beberapa pandangan ahli falsafah Barat seperti Immanuel Kant, Kuhn, Karl Popper, Paul Feyerabend, Kenichi Ohmae dan Stephn Covey yang dapat dirumuskan sebagai berikut: mereka pada dasarnya bersetuju dengan tiga faktor penting: iaitu faktor persekitaran, baka dan bentuk latihan yang diterima seseorang. Sebenarnya ketiga-tiga faktor ini diterima oleh Islam Cuma pendekatan dan peristilahan sahaja yang berbeza. Misalnya dengan mengambil huraian Ibn Khaldun mengenai proses berfikir kritis-strategis, beliau menyebut: *'uqul tamyiz* (discriminatory intellect) kemudian *tasdiqat* atau *tajribi* yang disifatkan sebagai fakta-pengalaman, dan *al-'aql al-haqiqi* yang difahami sebagai keupayaan mengenai hakikat (truth) . Pada dasarnya pendekatan epistemologi Islam lebih menekankan soal kebenaran fakta (certainty of knowledge), namun tidak pula mengabaikan keperluan kemahiran dalam mengaplikasikan ilmu.

Pengarang juga memperuntukkan perbincangan terhadap kepentingan kemahiran berkomunikasi (bab 6) sebagai salah satu keperluan untuk mencapai kualiti di mana jua organisasi seseorang itu terlibat. Cuma di sini pengarang tidak pula bersedia untuk memberikan perspektif Islam seperti dalam bab-bab yang terdahulu. Ini bukanlah bermakna tidak terdapat konsep-konsep asas komunikasi dalam Islam. Barangkali ruang tidak mengizinkan. Namun demikian, dalam menghurai bentuk-bentuk komunikasi berkesan (hal. 138-144) banyak maklumat berfaedah yang dapat kita jadikan panduan dalam membina kemahiran berkomunikasi.

Sesuai dengan tema buku ini iaitu usaha untuk melahirkan generasi berkualiti yang cemerlang, bab 7 memperuntukkan perbincangan mengenai konsep dan pengurusan masa. Di sini barangkali pengarang amat mahir dengan huraian dan tafsiran Surah al-'Asr (Q.S 103 ayat 1-3) yang dijadikan mukaddimah kepada bab ini. Memang tepat apa yang dihurai bahawa kegagalan serta kekecewaan berlaku dalam kehidupan manusia berpunca daripada kegagalan manusia mengurus masa dengan baik dan berkesan. Keseluruhan bab ini memberikan beberapa petua bagaimana masa dapat diurus dengan baik. Bab ini dilengkapi dengan sebuah epilog yang bertujuan untuk menekankan kembali peri pentingnya seseorang itu mempunyai matlamat hidup yang jelas selari dengan apa yang disyari'atkan oleh Penciptanya. Namun itu sahaja tidak memadai, ia perlu kepada penguasaan ilmu dan keupayaan merancang serta berusaha mengaplikasikan perancangan tadi secara strategis dan bermakna.

Pada dasarnya buku ini amat sesuai dijadikan rujukan utama serta panduan bagi latihan kepimpinan di semua peringkat umur. Dalam dunia pendidikan, sudah semestinya banyak maklumat berfaedah yang boleh diambil daripada buku ini bagi tujuan latihan perguruan, pengurusan bilik darjah umpamanya bahkan juga dalam kerja-kerja penasihat dan kaunseling.

Ghazali Basri